

# UMS terima geran penyelidikan RM6.5 juta

RM2.5 juta untuk penyelidikan makmal hidup, manakala RM4 juta untuk Kursi Bajau Samah UMS  
UB 05.12.2024 P.08

Oleh Siti Aisyah Narudin

**KOTA KINABALU:** Kerajaan negeri menyampaikan geran penyelidikan berjumlah RM6.5 juta kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Kursi Bajau Samah UMS.

Ketua Menteri yang juga Pro-Canselor UMS Datuk Seri Panglima Hajiji Haji Noor menyerahkan geran berkenaan kepada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Prof Dr Rosalam Sarbatly di sini pada Selasa.

Penyampaian geran berkenaan diadakan pada Majlis Penyampaian Anugerah Penyelidikan UMS (APUMS) 2024 yang turut dihadiri oleh Yang Dipertua Negeri yang



**KENANGAN:** Juhar dan Hajiji merakamkan kenangan bergambar bersama semua penerima geran pada majlis itu.

juga Canselor UMS Tun Juhar Mahiruddin.

Sebanyak RM2.5 juta daripada geran itu adalah

untuk penyelidikan makmal hidup, manakala RM4 juta lagi diperuntukkan untuk Kursi Bajau Samah UMS.

Pada majlis itu, UMS turut menerima geran penyelidikan berjumlah RM8.61 juta daripada PETRONAS yang

disampaikan oleh Naib Presiden Kanan PETRONAS Datuk Bacho Pilong.

Hajiji bersama Juhar turut



**GERAN:** Hajiji menyampaikan replika cek geran berjumlah RM4 juta kepada Rosalam dan disaksikan oleh Juhar.

menyampaikan Anugerah Khas Canselor Tun kepada Prof Justin Sentian iaitu saintis Malaysia pertama yang menjalankan penyelidikan

musim sejuk di Antartika. Acara memotong kek sebagai simbolik meraikan ulang tahun ke-30 UMS turut diadakan pada majlis itu.